

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Mahfuz Bin Omar [ Pokok Sena ] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

a) jumlah pembinaan Program Perumahan 1Malaysia (PR1MA) yang telah dimulakan di setiap negeri dan tarikh siap bagi setiap projek PR1MA yang telah dilancarkan; dan

b) jumlah pembinaan program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang telah dimulakan pembangunan di setiap negeri, dan tarikh siap bagi setiap projek PPA1M yang telah dilancarkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

a) Seperti yang sedia maklum, PR1MA sedang rancak melaksanakan mandat Kerajaan ke arah memastikan 160,000 unit rumah yang disasarkan bagi tahun 2013 dan 2014 tercapai. Alhamdulillah Anggota Perbadanan PR1MA setakat ini telah meluluskan sebanyak 97,887 unit perumahan mampu milik yang selesa dan berkualiti di seluruh negara yang pada masa ini berada di dalam pelbagai peringkat perancangan dan pembinaan.

Pada masa ini projek-projek PR1MA masih lagi di dalam pelbagai fasa perancangan dan pembinaan. PR1MA telah memulakan pembinaan sebanyak 11,868 unit rumah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Kedah, Perak Johor dan Negeri Sembilan. Menjelang akhir tahun 2014, sebanyak 40,000 unit rumah akan berada dalam fasa pembinaan. Walaubagaimanapun tarikh siap setiap projek adalah berbeza antara satu sama yang lain. Namun begitu secara kasarnya, projek perumahan PR1MA ini akan mengambil masa selama 2 tahun bagi projek bertanah dan 3 tahun bagi kediaman jenis strata untuk disiapkan.

b) Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) adalah satu usaha yang diambil oleh Kerajaan bagi membantu penjawat awam memiliki kediaman yang mampu dimiliki dan berkualiti.

Kerajaan berhasrat untuk membina 100,000 unit rumah PPA1M untuk penjawat awam di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 10,000 unit rumah disasarkan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 10,000 unit bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya dan 80,000 unit bagi negeri-negeri selain Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Kementerian Wilayah Persekutuan akan bertindak sebagai agensi pelaksana bagi pelaksanaan program PPA1M di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Perbadanan Putrajaya pula merupakan agensi pelaksana bagi program PPA1M di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan agensi pelaksana bagi negeri-negeri selain Wilayah Persekutuan ialah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan.

Setakat ini sebanyak 10,639 unit rumah PPA1M sedang dalam pembinaan di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Projek ini dijangka siap pada suku pertama tahun 2017.

Selain itu, sebanyak 9,792 unit lagi telah dikenal pasti dan sedia untuk dibangunkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, Kedah dan Sabah. Projek di pelbagai lokasi ini dijangka siap pada suku keempat tahun 2018.

Agensi Pelaksana juga telah mengenal pasti sebanyak 69 tapak projek seluruh negara yang melibatkan tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan tanah milik Kerajaan Negeri untuk dibangunkan sebagai projek PPA1M.

Sekian. Terima kasih.